

BAHASA MELAYU PENULISAN TAHUN 2 2017

Soalan 1

Susun semula perkataan supaya menjadi ayat yang betul.

A. menjahit /pandai / Puan Aminah / baju / .

B. mengikuti / Kumaran / Pulau Pinang / rombongan / ke / .

C. demam / diserang / panas / Jasmin / .


D. sangat / Menara / Kuala Lumpur / tinggi itu / .

E. berjimat / cermat / Kita / setiap / hendaklah / masa / .

(10 markah)

Soalan 2

Gariskan jawapan yang betul dalam petikan di bawah.



Nama guru _____ (rumah , kelas) saya ialah Cikgu Adila. Beliau _____ (berasal, bermain) dari Pulau Pinang. Umur beliau 27 tahun. Beliau sudah berkahwin dan mempunyai dua orang _____ (abang, anak) perempuan.

Cikgu Adila _____ (menyuruh, mengajar) kami mata pelajaran Bahasa Malaysia, Pendidikan Seni Visual serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Kami semua sangat _____ (benci, sayang) akan Cikgu Adila kerana sikapnya yang sangat baik dan prihatin.

Cikgu Adila sangat mengambil berat terhadap _____ (pekerjaan, pelajaran) kami semua. Beliau akan memastikan kami semua _____ (susah, faham) apa-apa yang diajarkannya sebelum memulakan tajuk baharu. Murid-murid memberikan _____ (masalah, tumpuan) semasa beliau mengajar.

Cikgu Adila selalu _____(memarahi, menasihati) kami agar menjaga disiplin diri dan belajar bersungguh-sungguh. Beliau juga selalu memberikan hadiah apabila kami _____(gagal, lulus) dengan cemerlang dalam setiap ujian. Kami semua berasa bangga kerana mendapat guru seperti Cikgu Adila.

(20 markah)

b) Senaraikan nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(5 markah)

Soalan 3.

Padankan pernyataan yang diberikan agar menjadi ayat yang betul. Kemudian, salin ayat-ayat tersebut semula.

Ramlah dan keluarganya

terletak di Kampung Merapoh.

Rumah neneknya

bersiap-siap hendak ke rumah neneknya.

Ramlah selalu berkunjung

sayang akan nenek dan datuk.

Ibunya selalu mengingatkan Ramlah

Ke rumah neneknya pada hujung minggu

Ramlah dan keluarganya amat

agar sentiasa menghormati nenek dan datuk.

